

**SOALAN NO: 149**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR  
[ KULIM BANDAR BAHARU ]**

**TARIKH : 18 JUN 2014**

**SOALAN :**

**Dato' Abd. Aziz bin Haji Sheikh Fadzir [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pada tahun 2011, sebanyak 2,268 kes kencing tikus, 55 kematian dilaporkan dan pada 2012 bilangan kes meningkat kepada 3,665 kes dan 48 kematian. Tahun ini, dilaporkan sebanyak 28 kes kematian berkaitan kencing tikus sehingga bulan Ogos 2013. Apakah langkah strategik yang telah diambil oleh Kementerian dalam membasmi dan meningkatkan kesedaran masyarakat berkaitan hal ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bilangan kes leptospirosis yang dilaporkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari tahun 2010 sehingga 2013 adalah seperti berikut :

- 2010 : 1,976 kes termasuk 69 kematian
- 2011 : 2,268 kes termasuk 55 kematian
- 2012 : 3,665 kes termasuk 48 kematian
- 2013 : 4,475 kes termasuk 71 kematian

Bagi tahun 2014 (sehingga 24 Mei 2014), sebanyak 2,474 kes termasuk 23 kematian Leptospirosis telah dilaporkan ke Bahagian Kawalan Penyakit, KKM. Manakala bagi bilangan kematian yang disebabkan oleh wabak Leptospirosis dari tahun 2010 sehingga 24 Mei 2014 ialah seperti berikut:

- 2010 : 3 kematian
- 2011 : 1 kematian
- 2012 : 3 kematian
- 2013 : 2 kematian
- 2014 : 2 kematian (sehingga 24 Mei 2014)

Manakala, bilangan wabak yang dilaporkan ke KKM dari tahun 2010 sehingga 2013 adalah seperti berikut :

- 2010 : 7 episod
- 2011 : 17 episod
- 2012 : 25 episod
- 2013 : 28 episod

Bagi tahun 2014 (sehingga 24 Mei 2014), adalah sebanyak 13 episod wabak leptospirosis.

Sebelum penyakit Leptospirosis diwartakan sebagai penyakit yang perlu dilaporkan di bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 pada 9 Disember 2010, kes-kes Leptospirosis hanya dilaporkan oleh hospital KKM.

Peningkatan kejadian Leptospirosis di negara ini mungkin merupakan peningkatan sebenar kes atau mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti meningkatnya kesedaran masyarakat dan pengamal perubatan mengenai penyakit ini, wujudnya keperluan notifikasi penyakit oleh pengamal perubatan, peningkatan kemudahan makmal dan kapasiti mendiagnosa yang lebih baik.

**Langkah-langkah pencegahan dan kawalan Leptospirosis oleh KKM adalah seperti berikut:-**

- I. Meningkatkan aktiviti pemeriksaan premis makanan dengan menguatkuasakan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009;
- II. Mempertingkatkan kesedaran orang ramai melalui hebahan dan kempen pendidikan kesihatan di dalam media cetak, elektronik dan laman sesawang rasmi KKM;

- III. Bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Perhutanan dalam memastikan kebersihan premis makanan dan persekitaran termasuk pusat rekreasi;
- IV. Menyarankan langkah-langkah penambahbaikan bagi mengurangkan risiko kejadian penyakit leptospirosis di kalangan pelatih Pusat Latihan Khidmat Negara melalui Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil.16/2012;
- V. Menyediakan *Guidelines for the Diagnosis, Management, Prevention And Control Of Leptospirosis In Malaysia* (2011) sebagai panduan kepada kakitangan KKM bagi menguruskan kes-kes leptospirosis; dan
- VI. Mengadakan Kursus Pengurusan dan Survelan Leptospirosis pada Mei 2013 yang bertujuan memberi pendedahan dan *update* kepada kakitangan KKM berhubung penyakit leptospirosis.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE**

**TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB Dr. Lee Boon Chye [ Gopeng ] minta PERDANA MENTERI menyatakan kuantiti serta kos import gas asli setiap tahun mulai tahun 2009.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kuantiti serta kos import gas asli adalah seperti berikut:

Tahun Kewangan	West Natuna		JDA		LNG		Total	
	Tbtu	RM Mil	Tbtu	RM Mil	Tbtu	RM Mil	Tbtu	RM Mil
31 March 2009	79.7	792.8	82.9	1,410.0	-	-	162.56	2,202.8
31 March 2010	62.8	616.1	123.1	2,451.8	-	-	185.89	3,067.8
31 March 2011	95.0	904.1	126.9	2,103.6	-	-	221.83	3,007.7
31 December 2011	71.0	1,240.4	104.2	1,714.0	-	-	175.17	2,954.4
31 December 2012	85.9	1,834.0	156.7	3,107.3	-	-	242.61	4,941.3
31 December 2013	71.2	1,573.8	154.4	3,575.8	58.8	3,164.5	284.4	8,314.1

Sekian. Terima kasih.